



PEJABAT PELAJARAN NEGERI PERAK,  
JALAN TUN ABDUL RAZAK  
30640 IPOH, PERAK

**GERAK GEMPUR SPM  
SOALAN GEOGRAFI KERTAS 1**

---

---

**GEOGRAFI**

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

---


**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*


---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak


Arahan : *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.*



- 1 Pembentukan kerak bumi dalam rajah di atas kesan daripada
- A aliran sungai
  - B proses hakisan
  - C kuasa mampatan
  - D letusan gunung berapi



- 2 Pergerakan bumi seperti dalam rajah di atas mengakibatkan
- I pembiasan angin
  - II siang dan malam
  - III kejadian empat musim
  - IV Siang dan malam tidak sama panjang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 3 Pernyataan manakah benar tentang lava bes?
- A Sangat pekat dan mengalir dengan perlahan
  - B Lambat membeku dan mengalir lebih jauh
  - C Mempunyai takat lebur yang tinggi
  - D Mengandungi sedikit banyak silika




- Skala Richer 7.8
- Kemusnahan harta benda


- 4 Fenomena alam di atas berlaku di kawasan bertanda
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

	Hasil Tindakan Ombak	Proses Pembentukan
I	Tombolo	Hakisan
II	Tetanjung	Pemendapan
III	Gerbang laut	Hakisan
IV	Gloup	Pemendapan

- 5 Kombinasi bentuk muka bumi dan proses pembentukan manakah yang benar ?
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV



- 6 Antara berikut, manakah faktor yang mempengaruhi pembentukan bentuk muka bumi di atas?
- I Suhu air laut antara 23°C - 25°C
  - II Tindakan ombak yang perlahan
  - III Kemasinan air laut antara melebihi 40%
  - IV Kedalaman air laut kurang 55 meter
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 7 Antara berikut bentuk muka bumi manakah terdapat di bahagian hilir sungai ?
- I Air terjun
  - II Tetambak
  - III Tasik ladam
  - IV Jeram
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV




- 8 Apakah sumbangan kawasan di atas kepada penduduk Malaysia?
- A Kawasan pertanian
  - B Kawasan petempatan
  - C Kawasan pelancongan
  - D Kawasan perindustrian

- Pergerakan cepat
- Tanah berlonggok di kaki cerun

9 Proses gerakan jisim di atas merujuk kepada

- A aliran lumpur
- B kesotan tanah
- C gelangsar tanah
- D gelongsoran tanah



10 Proses luluhawa seperti yang digambarkan di atas terjadi di kawasan

- A tepi pantai
- B lembah sungai
- C gurun panas
- D pergunungan

11 Gunung bongkah terbentuk akibat proses

- A Pencapahan plat
- B Pertembungan plat
- C letusan gunung berapi
- D penggondolan

Kawasan	Longitud	Waktu pempatan
X	Meridian Pangkal	1.00 tengah hari
Y	60°T	?

12 Berdasarkan jadual di atas, waktu tempatan di Y ialah


- A 10.00 pagi
- B 2.30 petang
- C 5.00 petang
- D 11.00 malam

- 13 Apakah yang dialami oleh bumi pada 22 Disember?  
 A Hemisfera utara mengalami musim panas  
 B Kutub Selatan mengalami 24 jam siang  
 C Hemisfera utara mengalami siang yang lebih panjang  
 D Matahari tengah hari berada di garisan Sartan


Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu ( ° C)	27	28	28	28	28	27	29	29	28	28	27	25

STESEN Y


- 14 Berdasarkan jadual di atas berapakah julat suhu di stesen Y?  
 A 2° C  
 B 3° C  
 C 4° C  
 D 5° C



- 15 Angka 7 di bahagian tengah mawar angin menunjukkan  
 A bacaan direkod bagi bulan 7  
 B jumlah hari tenang selama 7 hari  
 C purata kelajuan angin 7 km/sejam  
 D angin lazim bertiup selama 7 hari



- 16 Antara berikut manakah benar tentang rajah di atas?
- A Suhu tinggi sepanjang tahun
  - B Suhu minimum bulan Januari
  - C Hujan turun sepanjang tahun
  - D Julat suhu tahunan  $25^{\circ}\text{C}$



- 17 Aktiviti manusia dalam rajah di atas menyebabkan
- I suhu meningkat
  - II hujan berkurangan
  - III kelembapan udara tinggi
  - IV habuk terampai tinggi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 18 Apakah kesan penebangan hutan secara berleluasa?
- A Sungai cetek
  - B Udara tercemar
  - C Penipisan lapisan ozon
  - D Keasidan tanah meningkat

19 Pernyataan manakah benar tentang jerebu?

- I Jarak penglihatan dekat
- II Litupan awan berkurangan
- III Menyebabkan penyakit barah
- IV Peratus habuk terampai tinggi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Katarak mata</li> <li>• Barah kulit</li> <li>• Melemahkan sistem pelalian badan</li> </ul> |
|---|

20 Penyakit di atas adalah disebabkan oleh

- A jerebu
- B pulau haba
- C kesan rumah hijau
- D penipisan lapisan ozon.

21 Antara berikut pernyataan manakah yang benar tentang hutan konifer

- A berakar banir
- B berbentuk kon
- C berdaun lebar
- D mempunyai 4 lapisan

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Badger</li> <li>• Burung Folken</li> <li>• Coyote</li> </ul> |
|---|

22 Hidupan liar di ats dijumpai di kawasan


- A hutan Hujan Tropika
- B hutan Monsun Tropika
- C hutan Konifer
- D padang Rumput Hawa Sederhana

23 Zon penampan di hutan paya bakau bermaksud

- A melindungi kawasan pantai daripada proses hakisan dan ribut
- B melindungi hidupan akuatik daripada kejadian ribut
- C melindungi kawasan pantai daripada bahan-bahan pencemar
- D melindungi kawasan pantai daripada proses pemendapan ombak



- 24 Apakah kesan aktiviti di atas terhadap ekosistem?
- I Hidupan liar musnah
  - II Kesuburan tanah terjejas
  - III Suhu mikro menurun
  - IV Karbon dioksida berkurang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



- 25 Antara faktor migrasi di atas ialah
- I persekitaran yang tenang dan aman
  - II rancangan kemajuan tanah
  - III kemudahan pendidikan tinggi
  - IV peluang pekerjaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 26 Antara berikut, faktor manakah yang menyebabkan penduduk padat di Lembangan St. Lawrence?
- I Tanah laterit yang subur
  - II Perkhidmatan kesihatan moden
  - III Sektor pembuatan yang pesat
  - IV Musim
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

27. Maklumat berikut adalah faktor kependudukan sesebuah negara

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar kelahiran</li> <li>• Kadar kematian</li> <li>• migrasi</li> </ul> |
|--|

Faktor tersebut mempengaruhi

- A taraf hidup
- B jangka hayat
- C taraf kesihatan
- D pertumbuhan penduduk

28. Antara berikut manakah sumbangan luar bandar kepada bandar ?

- I Menyediakan tenaga kerja
  - II Mengumpul hasil pertanian
  - III Menjalankan fungsi pentadbiran
  - IV Menyediakan peluang pendidikan tinggi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

29. Antara berikut kombinasi manakah benar?

	Bandar	Fungsi
A	Petaling Jaya	Bandar pendidikan
B	Kertih	Bandar pelabuhan
C	Ipoh	Bandar satelit
D	Kuala Kangsar	Bandar Diraja

Negara	Jenis Pengangkutan
Jepun	Shinkansen
Malaysia	Sistem Transit Aliran Ringan (LRT)

30. Jenis pengangkutan dalam jadual di atas diperkenalkan untuk


- I mengurangkan kos operasi
  - II mengurangkan pencemaran
  - III membawa lebih penumpang
  - IV Memendekkan jarak perjalanan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



- 31 Perkembangan sistem perhubungan yang ditunjukkan dalam gambar rajah di atas di pengaruhi oleh faktor
- I galakan kerajaan
  - II tenaga buruh mahir
  - III kos pengeluaran rendah
  - IV penyelidikan dan pembangunan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV



- 32 Antara berikut, manakah yang dihasilkan daripada kaedah perlombongan seperti rajah di atas?
- I Piuter
  - II Pateri
  - III Penebat
  - IV Tin alumanium
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV




MALAYSIA

33 Berdasarkan peta di atas, kombinasi manakah yang benar?


Lokasi	Sumber Mineral
I	Arang batu
II	Bauksit
III	Petroleum
IV	Kuprum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



34 Sumber tenaga X dalam rajah di atas ialah

- A petroleum
- B suria
- C arang batu
- D gas asli



MALAYSIA

- Kawasan Perindustrian Bebas
- Hasil keluaran untuk eksport

- 35 Kawasan perindustrian manakah yang berkaitan dengan pernyataan di atas?
- A I  
B II  
C III  
D IV
- 36 Antara berikut, kegiatan yang manakah dikategorikan sebagai sektor perkhidmatan?
- I Perkilangan  
II Perdagangan  
III Pelancongan  
IV Perlombongan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 37 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor infrastruktur yang mempengaruhi kegiatan pelancongan ?
- I Pelabuhan kontena  
II Lapangan terbang  
III Sistem telekomunikasi  
IV Pinggir laut yang dalam dan terlindung
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- Menggunakan kapal besar
- Dijalankan di kawasan perairan melebihi 32 kilometer dari pantai
- Kelengkapan modern

- 38 Jenis perikanan yang dinyatakan di atas merujuk kepada kegiatan
- A akuakultur
  - B perikanan air tawar
  - C perikanan laut dalam
  - D perikanan pinggir pantai
- 39 Antara berikut, yang manakah merupakan kaedah pertanian mesra alam?
- A Penggunaan jentera modern
  - B Penggunaan kaedah biologi
  - C Penggunaan racun serangga
  - D Penggunaan baja kimia secara terkawal
- 40 Antara berikut, manakah yang menunjukkan kerjasama perdagangan peringkat serantau ASEAN?
- I IMT-GT
  - II IMS-GT
  - III WTO
  - IV APEC
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

**SULIT**  
**2280/2**  
**Geografi**  
**Kertas 2**  
**September**  
**2010**  
2 jam

No. Kad Pengenalan

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Angka Giliran

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK,  
JALAN TUN ABDUL RAZAK  
30640 IPOH, PERAK**

**GEMPUR NEGERI PERAK  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

**GEOGRAFI**

Kertas 2

Dua Jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian:  
**Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab **semua** soalan daripada **Bahagian A**  
dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di  
dalam ruang yang disediakan dalam kertas  
soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada  
kertas jawapan berasingan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar  
bersama-sama dengan kertas jawapan untuk  
**Bahagian B.**
6. Penggunaan kalkulator dibenarkan.


<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
<b>Bahagian</b>	<b>Soalan</b>	<b>Markah</b>
<b>A</b>	<b>1</b>	
	<b>2</b>	
	<b>3</b>	
	<b>4</b>	
	<b>5</b>	
	<b>6</b>	
	<b>7</b>	
<b>B</b>	<b>8</b>	
	<b>9</b>	
	<b>10</b>	
	<b>11</b>	
<b>Jumlah</b>		

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**Bahagian A****[40 Markah]***Jawab semua soalan.*

**Soalan 1 hingga Soalan 5** berdasarkan peta topo siri 2280/2/2007. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikutnya.

1. a) Bearing simpang empat jalan raya Kg. Bestari (RG 086337) dari Titik Tanda Tinggi di Bt. Perdana (RG 071317) ialah ..... [2 markah]
- b) Namakan **dua** simbol ketinggian yang terdapat di RG 0637
- i) .....
- ii) ..... [2 markah]
2. a) Tukarkan skala yang terdapat pada peta kepada skala penyata: ..... [1 markah]
- b) Jarak jalan raya dari simpang empat Kg. Semolek (RG 102392) ke simpang tiga Kg. Kancil (RG 100360) ialah ..... [2 markah]



3. a) Pola saliran dalam kawasan segi empat grid di atas adalah ..... [1 markah]
- b) Sungai Inti mengalir dari arah ..... [1 markah]

Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa

c) Nyatakan **dua** bukti yang terdapat dalam peta menunjukkan Sungai Inti berada di peringkat hilir.

i) .....

ii) .....

[2 markah]

4. a) Nyatakan **dua** tanaman kontan utama di kawasan peta ialah

.....

[2 markah]

b) Nyatakan **tiga** faktor yang mempengaruhi penanaman tanaman kontan tersebut.

(i) .....

(ii) .....

(iii).....

[3 markah]

5. a) Namakan pola petempatan yang terdapat pada Rujukan Grid di bawah:

i) RG 0633: .....

ii) RG 1434 : .....

[2 markah]


b) Senaraikan **dua** faktor yang mempengaruhi pola petempatan di kawasan peta.

i) .....

ii) .....

[2 markah]

**Soalan 6** berdasarkan gambar di bawah



6. a) Nyatakan jenis luluhawa yang berlaku.

.....

[1 markah]

- b) Namakan bentuk muka bumi dalam gambar di atas.

i) X : .....

ii) Y : .....

iii) Z : .....

[3 markah]

- c) Nyatakan tiga kesan proses luluhawa terhadap pandang darat fizikal.

i) .....

ii) .....

iii).....

[3 markah]


- d) Nyatakan tiga langkah yang boleh dilakukan untuk membangunkan kawasan tersebut.

i) .....

ii) .....

iii) .....

[3 markah]



7. a) Berdasarkan graf di atas, nyatakan **tiga** ciri suhu.

i) .....

ii) .....

iii).....

[3 markah]

b) Berdasarkan graf di atas, nyatakan **tiga** ciri hujan.

i) .....

ii) .....

iii).....

[3 markah]

c) Nyatakan **dua** kesan ciri cuaca di atas terhadap alam sekitar.

i) .....

ii)..... [2 markah]

d) Nyatakan **dua** langkah untuk mengatasi kesan di atas.

i) .....

ii)..... [2 markah]

8. a. Di atas peta No. 1 Malaysia, namakan pusat pelancongan yang bertanda:  
 i) J  
 ii) K  
 iii) L  
 iv) M  
 v) N [5 markah]

b. Berikan **lima** sumbangan aktiviti pelancongan kepada negara kita Malaysia. [5 markah]

c. Berikan **enam** kesan aktiviti pelancongan kepada alam sekitar di Malaysia. [6 markah]

d. Berikan **empat** cadangan untuk mengatasi kesan aktiviti pelancongan terhadap alam sekitar. [4 markah]

9.

Tahun	1940	1960	1980	2000
Kadar Kematian Kasar	20.1	9.5	6.0	2.0

Kadar Kematian Kasar di Malaysia bagi tahun  
1940, 1960, 1980 dan 2000.

a. Berdasarkan jadual di atas, mengapakah kadar kematian kasar penduduk di Malaysia semakin rendah? [6 markah]

b. Nyatakan faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran. [7 markah]

c. Huraikan kesan migrasi ke atas kawasan yang dituju. [7 markah]

10.

Negara	Peratus
Amerika Syarikat	23.0
Singapura	17.0
Kesatuan Eropah	15.0
Jepun	12.0
Hong Kong	5.0
Lain-lain	28.0
Jumlah	100

*Pasaran eksport utama bagi barangan keluaran kilang Malaysia, Januari - Jun, 2001.*


- a) Berdasarkan jadual di atas, lukiskan carta pai bagi menunjukkan pasaran eksport utama bagi barangan keluaran kilang Malaysia tersebut. Gunakan jejari 6 sm untuk carta pai anda. [8 markah]
- b) Berikankan **empat** kepentingan sektor pembuatan terhadap pembangunan negara Malaysia. [4 markah]
- c) Nyatakan **empat** kesan kegiatan pembuatan terhadap alam sekitar. [4 markah]
- d) Terangkan **empat** langkah mengurangkan kesan kegiatan pembuatan terhadap alam sekitar. [4 markah]

11. a) Di atas peta No. 2 Malaysia, namakan:  
 (i) Lokasi perlombongan bijih timah bertanda P  
 (ii) Lokasi perlombongan arang batu bertanda Q  
 (iii) Pusat penapisan petroleum bertanda R  
 (iv) Lokasi perlombongan petroleum bertanda S  
 (v) Lokasi perlombongan gas asli bertanda T [5 markah]
- b) Nyatakan **lima** faktor ekonomi yang mempengaruhi kegiatan perlombongan di negara Malaysia. [5 markah]
- c) Huraikan **tiga** kesan kegiatan perlombongan terhadap alam sekitar. [6 markah]
- d) Berikan **empat** langkah untuk mengurangkan kesan kegiatan perlombongan terhadap alam sekitar. [4 markah]



## GEOGRAFI KERTAS 2

Peta No 1 untuk Soalan No. 8 ( a )




MALAYSIA

Pusat Pelancongan			
<b>J</b>	Pantai	<b>M</b>	Gua
<b>K</b>	Pulau	<b>N</b>	Tanah Tinggi
<b>L</b>	Tasik		

## GEOGRAFI KERTAS 2

Peta No 2 untuk Soalan No. 11 ( a )



MALAYSIA

P		S	
Q		T	
R			

**PERATURAN PEMARKAHAN GERAK GEMPUR SET 1  
MATA PELAJARAN GEOGRAFI KERTAS 1**

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	C	21	B
2	D	22	C
3	B	23	A
4	A	24	A
5	C	25	D
6	B	26	C
7	C	27	D
8	C	28	A
9	D	29	D
10	D	30	C
11	A	31	B
12	A	32	A
13	B	33	D
14	C	34	B
15	B	35	A
16	B	36	C
17	B	37	C
18	A	38	C
19	B	39	B
20	D	40	A

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM BERSAMA NEGERI PERAK 2010  
GEOGRAFI 2280/2**

**PERATURAN PERMARKAHAN K2**

1.	a)	36° (2m) +- 1° (1m)	2 m
	b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• titik tanda tinggi</li> <li>• stesen trigonometri</li> </ul>	2 m
2.	a)	1 cm mewakili 0.5 km	1m
	b)	3.3 km +-0.5km (1m)	2 m
3	a)	Ranting	1 m
	b)	Utara	1 m
	c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tanah pamah</li> <li>• kawasan yang landai</li> <li>• terdapat mendapan pasir</li> <li>• likuan sungai</li> </ul>	2 m
4.	a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• getah</li> <li>• kelapa sawit</li> </ul>	2 m
	b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bmb – tanah pamah</li> <li>• beralun</li> <li>• bersaliran baik</li> <li>• jenis tanah laterit</li> <li>• jalan raya/pengangkutan</li> <li>• tenaga buruh</li> </ul>	3 m
5.	a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. berselerak</li> <li>ii. berjajar</li> </ul>	2 m
	b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pola berjajar - sepanjang sungai - sepanjang jalan raya</li> <li>• Pola berpusat - di persimpangan jalan</li> <li>• Pola berselerak - kawasan pertanian : kebun kecil getah - kawasan padi sawah</li> </ul>	2 m
6	a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Luluhawa kimia/ luluhawa dalaman</li> </ul>	1m

6.	b)	X Stalaktit Y Tiang kalsit / tiang batu kapur Z Stalagmit	3 m
	c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Luluhawa batuan – mewujudkan gurun batu</li> <li>• gurun pasir</li> <li>• Di kawasan sejuk – tindakan ibun menghasilkan permukaan batuan bersegi / tajam</li> <li>• Di kawasan batu kapur – wujud pandang darat karts</li> <li>• gua</li> <li>• sungai bawah tanah</li> <li>• stalaktit</li> <li>• stalagmit</li> <li>• tiang kalsit</li> </ul>	3 m
	d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan pelancongan / rekreasi</li> <li>• Kemudahan jalan raya</li> <li>• Kemudahan prasarana</li> <li>• Kawasan perniagaan</li> <li>• Sumber perubatan / sarang burung</li> <li>• Eko-penyelidikan / R &amp; D /</li> <li>• Pendidikan</li> </ul>	3 m
7	a)	Ciri suhu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Suhu maksimum 27 °C</li> <li>• Bulan Mac, April, Mei, Jun dan Disember</li> <li>• Suhu minimum 26°C</li> <li>• Bulan Jan, Feb, Julai, Ogos, Sept, Okt, Nov.</li> <li>• Julat suhu kecil / 1 °C</li> <li>• Min suhu tahunan 26.4 °C</li> </ul>	3 m
	b)	Ciri hujan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hujan sepanjang tahun</li> <li>• Hujan maksimum 279mm</li> <li>• Bulan April</li> <li>• Hujan minimum 127 mm</li> <li>• Bulan Jun</li> <li>• Jumlah hujan tahunan 2406 mm</li> <li>• Panas dan lembap sepanjang tahun</li> </ul>	3 m
	c)	kesan ciri cuaca di atas terhadap alam sekitar: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Banjir kilat / banjir</li> <li>• Pulau haba</li> <li>• peningkatan suhu</li> <li>• Hujan asid</li> <li>• Hakisan / hakisan tanah</li> <li>• Tanah runtuh</li> </ul>	2 m

8	a.	J Pantai Cahaya Bulan K Pulau Pangkor L Tasik Bera M Gua Mulu N Tanah Tinggi Kinabalu	5m
	b.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber pendapatan Negara</li> <li>• Wujudkan peluang pekerjaan</li> <li>• Meningkatkan taraf hidup rakyat</li> <li>• Menggalakkan perkembangan sistem pengangkutan dan komunikasi</li> <li>• Memperolehi pertukaran wang asing ke Malaysia</li> <li>• Galakkan industry pembinaan – pusat peranginan dan hotel</li> <li>• Galakkan sukan antarabangsa spt Gand Prox Formula One</li> </ul>	5m
	c.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerokaan hutan – kurangkan kawasan hijau</li> <li>• kepupusan flora ;</li> <li>• kepupusan fauna ;</li> <li>• Tanah runtuh dan hakisan berlaku</li> <li>• Kehilangan habitat hidupan liar</li> <li>• Pencemaran air laut – bahan sisa kumbahan hotel</li> <li>• Bahan sisa pepejal – sampah sarap - pelancong</li> </ul>	6m
	d.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan kumbahan</li> <li>• Kempen kitar semula</li> <li>• Kempen cintai alam sekitar</li> <li>• Pungutan sampah sarap lebih cekap</li> <li>• Penguatkuasaan undang-undang</li> <li>• Program penanam pokok</li> </ul>	4m
9	a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan ekonomi baik ; peluang pekerjaan/ tingkatkan taraf hidup</li> <li>• Kurang faham amalan perancangan keluarga ; anak ramai</li> <li>• Pengaruh agama; Islam galakkan anak ramai</li> <li>• Keluarga moden ; kurangkan saiz keluarga ; lebih perhatian dan kasih sayang</li> <li>• Perkhidmatan dan perubatan yang baik ; mudahkan ibu mengandung / kadar rawatan rendah</li> <li>• Peningkatan pendidikan ; wanita lewat kahwin ; kurang kesuburan</li> <li>• faktor sosio budaya ; anak ramai sumber rezeki</li> <li>• Galakan kerajaan anak ramai ; insentif cukai / cuti bersalin lebih panjang</li> </ul>	6 m

	b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• peningkatan dalam taraf kesihatan ; klinik / hospital</li> <li>• peningkatan taraf hidup dan sosio ekonomi ; makanan berzat / kemudahan asas baik</li> <li>• Bekalan air bersih ; elakkan penyakit</li> <li>• Peningkatan taraf pendidikan ; memahami bahaya pelbagai jenis penyakit seperti denggi./ aids / dll</li> <li>• Peranan kerajaan ; program kesedaran tentang penyakit ; kempen</li> <li>• Pendidikan kesihatan di sekolah-sekolah</li> </ul>	7 m
	c)	<p>positif</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertambahan penduduk – bekalan buruh ramai dan murah</li> <li>• Menambah pasaran –pasaran barangan dan perkhidmatan lebih luas</li> <li>• Sektor perniagaan berkembang – kedai makan, kedai runcit, pusat beli belah</li> <li>• Kemudahan asas penduduk dipertingkat –perumahan, pendidikan ,kesihatan</li> <li>• Pemindahan teknologi berlaku</li> <li>• Wujudnya masyarakat majmuk</li> </ul> <p>positif</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertambahan penduduk – bekalan buruh ramai dan murah</li> <li>• Menambah pasaran –pasaran barangan dan perkhidmatan lebih luas</li> <li>• Sektor perniagaan berkembang – kedai makan, kedai runcit, pusat beli belah</li> <li>• Kemudahan asas penduduk dipertingkat –perumahan, pendidikan ,kesihatan</li> <li>• Pemindahan teknologi berlaku</li> <li>• Wujudnya masyarakat majmuk</li> </ul>	7 m

10	a.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Negara</th> <th>Sudut sektor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Amerika Syarikat</td> <td>83</td> </tr> <tr> <td>Singapura</td> <td>61</td> </tr> <tr> <td>Kesatuan Eropah</td> <td>54</td> </tr> <tr> <td>Jepun</td> <td>43</td> </tr> <tr> <td>Hong Kong</td> <td>18</td> </tr> <tr> <td>Lain-lain</td> <td>101</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>360</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tajuk – 1  Jejari – 1  Sudut – 6  Petunjuk – 1 = 9 markah [Maksima 8]</p>	Negara	Sudut sektor	Amerika Syarikat	83	Singapura	61	Kesatuan Eropah	54	Jepun	43	Hong Kong	18	Lain-lain	101	Jumlah	360	8m
Negara	Sudut sektor																		
Amerika Syarikat	83																		
Singapura	61																		
Kesatuan Eropah	54																		
Jepun	43																		
Hong Kong	18																		
Lain-lain	101																		
Jumlah	360																		

	b.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber pendapatan negara / Menyumbang kepada KDNK</li> <li>• Bahan eksport utama negara</li> <li>• Mengurangkan pergantungan kepada pertanian dan perlombongan</li> <li>• Pertambahan peluang pekerjaan / peningkatan taraf hidup</li> <li>• Peningkatan taraf kemahiran / pengetahuan teknologi</li> <li>• Memajukan infrastruktur</li> </ul>	4m
	c.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencemaran sungai / kualiti air terjejas</li> <li>• Pencemaran laut</li> <li>• Pencemaran udara</li> <li>• Peningkatan suhu</li> <li>• Kejadian pulau haba</li> <li>• Kejadian jerebu</li> <li>• Kejadian hujan asid</li> <li>• Hakisan tanah</li> <li>• Pencemaran tanah</li> </ul>	4m
	d.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan sisa toksik</li> <li>• Program menanam pokok</li> <li>• Menyediakan tapak industri yang lebih sesuai / jauh dari sungai</li> <li>• Mewujudkan zon penampungan</li> <li>• Pemasangan peralatan merawat efluen</li> <li>• Penguatkuasaan undang-undang</li> <li>• Mengadakan kempen kesedaran</li> </ul>	4m
11	a.	P – Lembah Kinta / Ipoh Q – Batu Arang R – Kerteh S – Baram T – Kinarut	5m
	b.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permintaan tinggi dalam dan luar negara</li> <li>• Perkembangan sektor perindustrian / pengangkutan</li> <li>• Peningkatan penggunaan gas / petroleum / arang batu domestik</li> <li>• Mempunyai modal</li> <li>• Petronas mengadakan usaha sama dengan syarikat minyak luar negara</li> <li>• Rangkaian pengangkutan yang cekap</li> <li>• Sistem telekomunikasi yang canggih</li> </ul>	5m

	c.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencemaran air: tumpahan minyak di telaga minyak / pelanggaran kapal tangki / pembuangan sisa lombong ke sungai / hidupan akuatik terjejas</li> <li>• Hakisan: kawasan lombong bijih timah yang terdedah / tasik atau kolam bekas lombong</li> <li>• Dasar sungai menjadi cetek: pemendapan sisa lombong / puing tanah</li> <li>• Kawasan terbiar: ditinggalkan kerana kehabisan simpanan / berbahaya kerana boleh berlaku tanah runtuh Fakta 1 m; Huraian 1 m</li> </ul> <p style="text-align: right;">3 X 2 m</p>	6m
	d.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembersihan air laut / sungai</li> <li>• Kawasan terbiar dibaik pulih</li> <li>• Kawasan bekas lombong ditebus guna</li> <li>• Dijadikan kawasan pertanian / padang ragut / rekreasi</li> <li>• Menanam tanaman tutup bumi di kawasan terdedah</li> <li>• Mengawal pertumpahan minyak / cecair kimia</li> <li>• Aktiviti perlombongan secara terancang</li> </ul>	4m

### PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT